

# IQRA'

Bil. 3/2022  
MAC  
eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:  
Topik Transgender**  
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:  
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**  
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan  
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**  
PTAR Dungun - muka 30



**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat  
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**  
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:  
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**  
PTAR Hospital UiTM - muka 54

## PROMOSI@PTAR





*Pada 30 Mac 2022, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) telah mengadakan satu program iaitu Program RAP News@PTAR yang telah dijalankan di ruang lobi aras 3, PTAR. Program ini berlangsung selama 30 minit bermula jam 1:00 tengahari hingga jam 1:30 tengahari.*

*Program RAP News@PTAR ini disertai oleh lima orang pelajar daripada Fakulti Komunikasi & Pengajian Media (FKPM) dan diiringi seramai tiga orang pensyarah pengiring. Encik Mohd Khairul Idzwan bertugas sebagai pengacara program ini dengan dibantu oleh Puan Salwa, Puan Adlina dan Encik Shahrul Hairy.*

*Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan serta pengalaman kepada pelajar terutamanya pelajar daripada FKPM melatih "Public Speaking" atau bercakap dikhalayak ramai.*

*Setiap peserta akan melatih keupayaan 'Public Speaking' berbantuan keratan akhbar dan daya kreativiti bagi menarik perhatian penonton. Setiap peserta yang menyertai program ini akan memperolehi e-sijil sebagai penghargaan dan penyertaan.*

